

**SOALAN NO: 21**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 6 APRIL 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : Dato' Seri Ong Ka Chuan minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah bantuan yang akan dihulurkan oleh Kementerian untuk membantu pekebun-pekebun kecil di mana tanaman mereka telah dimusnahkan dalam banjir di seluruh negara baru-baru ini**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kejadian banjir luar biasa yang berlaku baru-baru ini di beberapa buah negeri turut menjelaskan sektor pertanian. Anggaran nilai kerugian bagi aset dan infrastruktur pertanian adalah sebanyak RM105,033,000.00. Manakala anggaran kerugian bagi hasil pertanian adalah sebanyak RM152,940,746.23 yang melibatkan seramai 32,749 orang petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani. Jumlah keseluruhan anggaran kerugian sektor pertanian adalah sebanyak RM257,973,746.23.

Bagi bantuan jangka masa pendek, Kementerian telah menyediakan bantuan wang ihsan kepada golongan sasar iaitu petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani melalui peruntukan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan untuk membantu mereka memulakan semula aktiviti pertanian. Manakala, bagi tempoh jangka masa panjang, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM50 juta bagi tahun 2015 untuk membaik pulih tiga (3) jenis infrastruktur yang terjejas akibat bencana banjir iaitu membaiki jalan ladang, membaiki infrastruktur pengairan dan saliran serta membaiki infrastruktur bangunan dan aset pertanian. Bagi pembaikan infrastruktur yang lain, permohonan peruntukan akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ke-11.